

13 SEP 1999

APEC-PERISYTIHARAN

PARA PEMIMPIN APEC SERU KETELUSAN DANA BERSOKONGAN TINGGI

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

AUCKLAND, 13 Sept (Bernama) -- Para pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) mengakhiri sidang kemuncak tahunan mereka di sini hari ini mengesahkan dengan tegas seruan bagi pembaharuan kepada kerangka kewangan antarabangsa.

Di dalam deklarasi Auckland itu yang dibacakan oleh tuan rumah tahun ini, perdana menteri New Zealand Jenny Shipley, para pemimpin itu menjangkau selangkah lagi dengan menyeru diadakan ketelusan lebih besar terhadap institusi-institusi bersokongan tinggi, satu langkah yang dibentuk untuk mengekang aktiviti dana-dana lindung nilai antarabangsa yang tidak terkawal.

Pengesahan oleh ekonomi-ekonomi 21 anggota itu dengan tegasnya menangani kebimbangan Malaysia terhadap memperbaharui sistem kewangan dunia.

Malaysia telah terus menerus mempersalahkan dana-dana lindung nilai yang tidak terkawal kerana menyerang matawang-matawang dan menyebabkan kemerosotan Asia dan dalam proses itu, menceburkan sesetengah ekonomi termasuk Malaysia ke dalam kemelesetan ekonomi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berulang kali berkata bahawa dana-dana lindung nilai patut dikawal melalui pembaharuan kerangka kewangan global.

Malahan selewat dua minggu lalu, Tiger Fund yang dikaitkan dengan menyerang baht Thai pada Julai 1997, sekali lagi membuat spekulasi terhadap matawang itu, mengakibatkan unit yang memang telah terjejas itu diturunkan nilai selanjutnya.

Ia dengan terangnya membuktikan bahawa jika dana-dana lindung nilai tidak dikawal dengan memperbaharui kerangka kewangan, mereka akan terus menjadi duti dalam daging negara-negara membangun, malahan mereka yang telah menyusun semula ekonominya dengan berbilion-bilion dolar dalam bantuan kewangan.

Mengiktiraf keperluan mengawal spekulasi matawang, Malaysia mengenakan kawalan modal September lalu yang telah memberikan kestabilan kepada sistem kewangannya dan membolehkan ekonomi keluar daripada kemelesetan.

Shipley, yang menjadi tuan rumah kepada para pemimpin di Muzium Auckland, membacakan versi ringkas deklarasi 10 halaman itu, di mana beliau berkata forum itu terus menyokong usaha-usaha berterusan untuk meningkatkan pengelakan krisis dan penyelesaian krisis.

Oleh itu, "kami menggesa tindakan segera bagi meningkatkan ketelusan institusi-institusi bersokongan tinggi," kata Shipley, yang pada perjumpaan-perjumpaan itu diapit oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dari Brunei memandangkan Malaysia adalah tuan rumah tahun lalu dan Brunei pada 2000.

Para pemimpin Apec bersetuju bahawa penubuhan Forum Kesetabilan Kewangan dan satu mekanisma baru tidak rasmi untuk mempertingkatkan dialog di kalangan ekonomi-ekonomi yang penting daripada segi sistem haruslah meningkatkan kerjasama ke atas memperkukuhkan sistem kewangan antarabangsa.

Malaysia diwakili pada forum dengan Tambalan Gabanoer Bank Negara Malaysia Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz menduduki jawatankuasa mengenai aliran modal.

Para pemimpin Apec itu berkata bahawa mereka menyokong persefahaman negara-negara membangun mengenai keperluan memastikan bahawa pembaharuan kerangka kewangan antarabangsa dan pasaran-pasaran kewangan domestik adalah

saling mengukuhkan.

Keanggotaan Apec yang berbagai-bagai memberikan sumbangan yang istimewa kepada perbincangan mengenai pembaharuan kewangan domestik dan antarabangsa.

Semasa mesyuarat itu, para pemimpin itu juga mengesahkan usaha-usaha para menteri kewangan Apec untuk memperkukuhkan pasaran kewangan domestik dan memperolehi asas bagi kembalinya modal ke rantau ini.

Ini, kata mereka, haruslah dilakukan dengan seliaan yang dipertingkatkan pasaran-pasaran kewangan, termasuk melalui latihan ditingkatkan para penyelia dan pengawal selia.

Mereka juga berkata bahawa pasaran-pasaran bon domestik patut dibangunkan berasaskan kepada rangkaian 10 amalan baik yang baru diterbitkan dan membangunkan dan mengguna pakai prinsip-prinsip pentadbiran korporat yang dipersetujukan.

"Ini memberi keutamaan kepada memperkukuhkan infrastruktur pasaran dan keupayaan manusia dalam ekonomi-ekonomi dan syarikat-syarikat kita, terutamanya di dalam ekonomi-ekonomi sedang membangun. -- BERNAMA

MR MFJ OS